

# PEMBELAJARAN SECARA ATAS TALIAN DAN KESANNYA TERHADAP TAHAP STRES PELAJAR UNIVERSITI

HAISAH BINTI MOHD HASAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2022

**PEMBELAJARAN SECARA ATAS TALIAN DAN KESANNYA TERHADAP  
TAHAP STRES PELAJAR UNIVERSITI**

**HAISAH BINTI MOHD HASAN**

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN EKONOMI**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS  
2022**



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja

Kursus Doktor Falsafah

|  |
|--|
|  |
|  |
|  |
|  |

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 05 (hari bulan) Mac (bulan) 2022

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, HAISAH BINTI MOHD HASAN, D20181083401 DARIPADA FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PEMBELAJARAN SECARA ATAS TALIAN DAN KESANNYA TERHADAP TAHAP STRES PELAJAR UNIVERSITI adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Haisah

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan****Penyelia:**

Saya, Profesor Madya Dr. Norasibah Binti Abdul Jalil (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMBELAJARAN SECARA ATAS TALIAN DAN KESANNYA TERHADAP TAHAP STRES PELAJAR UNIVERSITI (TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN EKONOMI DENGAN KEPUJIAN (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

23 Mac 2022

Tarikh

Norasibah

Tandatangan Penyelia





## PENGHARGAAN

*Bismillahirrahmanirahim dan Assalamualaikum,*

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana memberi kekuatan, semangat dan mengizinkan saya untuk menyelesaikan kajian ini, seterusnya memenuhi keperluan syarat pengijazahan. Dalam kesempatan ini, saya ingin mengambil peluang untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Norasibah Binti Abdul Jalil selaku penyelia. Beliau telah memberikan banyak bimbingan, nasihat dan panduan sepanjang melaksanakan kajian ini. Dedikasi dan penat lelah beliau dalam memberi bimbingan akan menjadi ingatan sepanjang hayat.

Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih juga diucapkan kepada ahli keluarga terutama kedua ibu bapa saya iaitu Mohd Hasan Bin Kahar dan Intan Hadiah Binti Ejih yang sentiasa mendorong dan mendoakan saya sepanjang saya menjalankan kajian ini. Tidak lupa juga sahabat saya Aliaton Izzatti Binti Kasme yang setia membantu dalam memberikan pandangan dan semangat untuk saya menyiapkan projek tahun akhir ini. Turut tidak dilupakan juga rakan-rakan seperjuangan saya yang telah memberikan idea dan nasihat. Mereka telah membantu saya dalam menyelesaikan projek tahun akhir ini. Tanpa bantuan dan nasihat mereka, saya tidak dapat melakukan projek tahun akhir ini dengan baik.

Akhir sekali, saya ingin ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang telah terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang proses melaksanakan kajian ini. Segala tunjuk ajar serta kata-kata nasihat yang saya perolehi akan saya jadikan ia sebagai panduan dan pengajaran untuk diri saya. Semoga Allah S.W.T akan membalas segala jasa baik dan merahmati segala bantuan dan kerjasama yang telah dihulurkan.

Sekian, terima kasih.





## PEMBELAJARAN SECARA ATAS TALIAN DAN KESANNYA TERHADAP TAHAP STRES PELAJAR UNIVERSITI

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasti kewujudan stres serta faktor-faktor penyumbang bagi stres yang dihadapi oleh pelajar dalam suasana sebelum dan semasa Covid-19 serta pengaruhnya terhadap prestasi akademik pelajar. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan borang soal selidik dan kajian perpustakaan sebagai instrumen kepada 177 orang pelajar universiti di Malaysia. Data-data dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Sciences* (SPSS) versi 26 untuk mendapatkan peratus kekerapan, min dan nilai korelasi. Hasil dapatan kajian menunjukkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) semasa Covid-19 mempunyai pengaruh terhadap prestasi akademik pelajar. Perkara ini adalah selari dengan keputusan analisis tahap stres pelajar yang merekodkan skor min lebih tinggi berbanding tahap stres pelajar sebelum Covid-19. Terdapat tiga faktor signifikan yang mempengaruhi tahap stres pelajar iaitu faktor PdP, sosial dan faktor prasarana dan persekitaran. Dapatan dari kajian ini memberikan maklumat dari sudut yang berbeza mengenai pentingnya mengenalpasti tahap serta faktor penyumbang bagi stres yang dihadapi oleh pelajar-pelajar universiti semasa pembelajaran secara atas talian dilaksanakan berbanding kaedah tradisional; dan seterusnya memberi panduan pada pihak yang berkenaan dalam misi mengatasi masalah ini terutamanya yang berkaitan dengan masalah kesihatan mental serta langkah-langkah dan usaha untuk meningkatkan prestasi akademik, motivasi, komitmen serta kesediaan pelajar dalam menghadapi pembelajaran secara atas talian sekiranya kaedah pembelajaran secara dalam talian masih dilaksanakan di masa hadapan.



## **ONLINE LEARNING AND ITS EFFECTS ON UNIVERSITY STUDENTS STRESS LEVELS**

### **ABSTRACT**

The purpose of this study is to identify the existence of stress and the contributing factors for stress faced by the university students in the environment before and during covid19 and its influence on students' academic performance. This study was implemented by using questionnaire and library sources as research instruments. 177 university students participated as repondents. The data were analyzed using Statistical Package for Sciences (SPSS) version 26 software to obtain the percentage of frequency, mean, and correlation values. The results of the study showed that teaching and learning (PdP) during Covid-19 had influenced students academic performance. This is in line with the results of students' stress levels analysis which documented higher mean score value during Covid-19 than student stress levels prior to Covid-19. Three significant factors which are detected to affect the level of student stress are PdP factors, social and infrastructure factors, and environmental factors. Findings from this study help to provide information from different angles on the importance of levels and factors that contribute to stress of university students during the online learning session compares to the traditional method, and with that regards, the related parties may have clear view in the mission to overcome problems; especially mental health problems and also to improve academic performance, motivation, commitment and readiness of students in facing online learning should the crisis continues in the future.

## SENARAI KANDUNGAN

### Muka Surat

|                       |     |
|-----------------------|-----|
| <b>PENGAKUAN</b>      | ii  |
| <b>PENGHARGAAN</b>    | iii |
| <b>ABSTRAK</b>        | iv  |
| <b>ABSTRACT</b>       | v   |
| <b>KANDUNGAN</b>      | vi  |
| <b>SENARAI JADUAL</b> | x   |
| <b>SENARAI RAJAH</b>  | xii |

### BAB 1 PENGENALAN

|                                                                                                                 |                                         |    |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------|----|
| 05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi | 1.0 Pengenalan                          | 1  |
|                                                                                                                 | 1.1 Masalah Kajian                      | 3  |
|                                                                                                                 | 1.2 Objektif Kajian                     | 4  |
|                                                                                                                 | 1.3 Persoalan Kajian                    | 5  |
|                                                                                                                 | 1.4 Hipotesis Kajian                    | 5  |
|                                                                                                                 | 1.5 Batasan Kajian                      | 5  |
|                                                                                                                 | 1.6 Definisi Operasional                |    |
|                                                                                                                 | 1.6.1 Pembelajaran Secara Atas Talian   | 8  |
|                                                                                                                 | 1.6.2 Tahap Stres                       | 8  |
|                                                                                                                 | 1.6.3 Kewangan                          | 9  |
|                                                                                                                 | 1.6.4 Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) | 9  |
|                                                                                                                 | 1.6.5 Sosial                            | 10 |
|                                                                                                                 | 1.6.6 Kesihatan Fizikal                 | 10 |

|       |                            |    |
|-------|----------------------------|----|
| 1.6.7 | Prasarana dan Persekitaran | 10 |
| 1.7   | Kerangka Konseptual        | 11 |
| 1.8   | Rumusan                    | 12 |

## **BAB 2 TINJAUAN LITERATUR**

|       |                                            |    |
|-------|--------------------------------------------|----|
| 2.0   | Pengenalan                                 | 13 |
| 2.1   | Teori Pembelajaran                         |    |
| 2.1.1 | Teori Konstruktivisme                      | 13 |
| 2.1.2 | Teori Kognitivisme                         | 14 |
| 2.1.3 | Teori Behaviorisme                         | 15 |
| 2.1.4 | Teori Konektivisme ( <i>Connectivism</i> ) | 15 |
| 2.1.5 | Teori Pembelajaran Konvensional            | 16 |
| 2.1.6 | Teori Pembelajaran Secara Atas Talian      | 17 |
| 2.2   | Sorotan Literatur                          |    |
| 2.2.1 | Pembelajaran Secara Tradisional            | 18 |
| 2.2.2 | Pembelajaran Secara Atas Talian            | 18 |
| 2.2.3 | Cabaran Pembelajaran Secara Atas Talian    | 19 |
| 2.2.4 | Manfaat Pembelajaran Secara Atas Talian    | 21 |
| 2.3   | Rumusan                                    | 23 |

## **BAB 3 METODOLOGI**

|     |                           |    |
|-----|---------------------------|----|
| 3.0 | Pengenalan                | 24 |
| 3.1 | Reka Bentuk Kajian        | 24 |
| 3.2 | Instrumen Kajian          | 25 |
| 3.3 | Prosedur Pengumpulan Data |    |

|       |                                   |    |
|-------|-----------------------------------|----|
| 3.3.1 | Soal Selidik                      | 29 |
| 3.3.2 | Kajian Perpustakaan               | 30 |
| 3.4   | Kaedah Analisis Data              |    |
| 3.4.1 | Analisis Diskriptif dan Frekuensi | 30 |
| 3.4.2 | Analisis Inferensi                | 31 |
| 3.5   | Rumusan                           | 33 |

## **BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

|       |                                                                                                                                                                                |    |
|-------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 4.0   | Pengenalan                                                                                                                                                                     | 34 |
| 4.1   | Profil Responden                                                                                                                                                               | 34 |
| 4.2   | Analisis Prestasi Akademik Sebelum Dan Semasa Covid-19                                                                                                                         |    |
| 4.2.1 | Analisis Prestasi Akademik Sebelum dan Semasa Covid-19                                                                                                                         | 38 |
| 4.2.2 | Analisis Kesan PdP Semasa Covid-19 Terhadap Prestasi Akademik Pelajar                                                                                                          | 39 |
| 4.3   | Analisa Stres dan Tahap Stres Sebelum dan Semasa Covid-19                                                                                                                      |    |
| 4.3.1 | Analisis Stres Pelajar Sebelum dan Semasa Covid-19                                                                                                                             | 40 |
| 4.3.2 | Analisis Tahap-Tahap Stres Pelajar Sebelum Dan Semasa Covid-19                                                                                                                 | 41 |
| 4.4   | Analisis Pengaruh Dan Hubungan Diantara Faktor Kewangan, Faktor Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Serta Faktor-Faktor Lain Dengan Prestasi Pelajar Sebelum dan Semasa Covid-19 |    |
| 4.4.1 | Analisis Pengaruh Diantara Faktor Kewangan, Faktor PdP Dan Faktor-Faktor Lain Dengan Prestasi Pelajar Sebelum Dan Semasa Covid-19                                              | 42 |

|                                                                                                                                         |    |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| 4.4.1.1 Analisis Pengaruh Diantara Faktor Kewangan Dengan Prestasi Pelajar Sebelum Dan Semasa Covid-19                                  | 42 |
| 4.4.1.2 Analisis Pengaruh Diantara Faktor PdP Dengan Prestasi Pelajar Sebelum Dan Semasa Covid-19                                       | 44 |
| 4.4.1.3 Analisis Pengaruh Diantara Faktor-Faktor Lain Dengan Prestasi Pelajar Sebelum Dan Semasa Covid-19                               | 45 |
| 4.4.2 Analisis Hubungan Diantara Faktor Kewangan, Faktor PdP Dan Faktor-Faktor Lain Dengan Prestasi Pelajar Sebelum Dan Semasa Covid-19 | 46 |
| 4.4.2.1 Analisis Hubungan Diantara Faktor Kewangan, Faktor PdP Dan Faktor-Faktor Lain Dengan Prestasi Pelajar Sebelum Covid-19          | 46 |
| 4.4.2.2 Analisis Hubungan Diantara Faktor Kewangan, Faktor PdP Dan Faktor-Faktor Lain Dengan Prestasi Pelajar Semasa Covid-19           | 48 |
| 4.5 Rumusan                                                                                                                             | 49 |

## **BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

|                                                                  |    |
|------------------------------------------------------------------|----|
| 5.0 Pengenalan                                                   | 50 |
| 5.1 Perbincangan                                                 |    |
| 5.1.1 Prestasi Akademik Sebelum dan Semasa Covid-19              | 51 |
| 5.1.2 Analisis Stres dan Tahap Stres Sebelum dan Semasa Covid-19 | 51 |
| 5.1.3 Analisis Pengaruh dan Hubungan Diantara Faktor             |    |

|       |                                                    |    |
|-------|----------------------------------------------------|----|
|       | Kewangan, Faktor PdP dan Faktor-Faktor Lain Dengan |    |
|       | Prestasi Akademik Sebelum dan Semasa Covid-19      | 52 |
| 5.2   | Implikasi Kajian                                   | 53 |
| 5.3   | Cadangan Kajian                                    |    |
| 5.3.1 | Strategi Daya Tindak Kognitif                      | 54 |
| 5.3.2 | Strategi Daya Tindak Emosi                         | 55 |
| 5.3.3 | Strategi Daya Tindak Tingkahlaku                   | 55 |
| 5.3.4 | Strategi Daya Tindak Sosial dan Persekitaran       | 56 |
| 5.4   | Cadangan kajian lanjutan                           | 57 |
| 5.5   | Penutup                                            | 58 |
|       | <b>RUJUKAN</b>                                     | 59 |
|       | <b>LAMPIRAN</b>                                    |    |
|       | LAMPIRAN A: Borang Soal Selidik                    |    |



## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 Pengenalan

Berikutan dengan tercetusnya masalah pandemik Covid-19 yang disebabkan oleh penularan virus baharu telah memberi impak yang besar terhadap semua sektor termasuklah sektor pendidikan sama ada di peringkat rendah dan tinggi dimana ia telah mengganggu sistem di pelbagai institusi terutamanya dalam bidang pendidikan tinggi (Arwansyah Kirin et. al, 2021). Sebelum berlakunya penularan pandemik Covid-19, aktiviti pembelajaran di sekolah berjalan secara normal dan teratur. Untuk mengelakkan situasi negara semakin teruk, Malaysia telah mengambil Langkah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dimana rakyat dinasihatkan untuk terus kekal di rumah atau bekerja dari rumah (*work from home*). Situasi ini telah banyak mengubah lanskap kehidupan setiap individu pada hari ini termasuklah kehidupan sebagai seorang pelajar. Tidak lama selepas pengumuman PKP dibuat, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) juga bertindak sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam hal ehwal pendidikan tinggi di Malaysia telah mengarahkan semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) di semua kampus Institut Pengajian Tinggi (IPT) dijalankan secara atas talian sehingga 31 Disember 2020 (Noor, 2020). Pengecualian hanya diberikan kepada lima kategori iaitu pelajar pascasiswazah mod penyelidikan, pelajar semester atau tahun akhir, pelajar berkeperluan khas dan pelajar baharu (Mamat, 2020).

Apabila Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memutuskan semua aktiviti (PdP) dilakukan secara dalam talian dan semua aktiviti PdP bersemuka ditangguhkan, perkara ini telah mengubah mod PdP daripada pembelajaran secara bersemuka kepada pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian di rumah (Arwansyah Kirin et. al, 2021). Dimana pada sebelum ini aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan di universiti atau di sekolah, namun hari ini ditukarkan kepada mod secara atas talian. Oleh yang demikian, banyak aktiviti PdP terpaksa dilakukan secara luar norma, iaitu secara atas talian. Sudah pasti ianya mendatangkan cabaran



baharu buat seorang pelajar untuk melatih diri belajar tanpa tunjuk ajar secara terus daripada guru mahupun pensyarah universiti.

Pembelajaran secara talian merupakan salah satu pendekatan dalam proses PdP yang lebih ke depan. Hal ini kerana pembelajaran secara talian dikategorikan sebagai penggunaan teknologi maklumat bagi meningkatkan kualiti pendidikan. Konsep pembelajaran ini juga dikenali sebagai e-pembelajaran adalah pengaruh dalam proses transformasi pendidikan konvensional ke arah bentuk digital, baik kandungan dan sistem (Santoso, 2014) dan ia adalah salah satu bentuk pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan melalui teknik digital dan penggunaan teknologi. Bahan-bahan, buku, video, dan audio akan disampaikan melalui internet sahaja tanpa perlu bersemuka. Mod pengajaran dan pembelajaran secara atas talian ini bukanlah perkara asing di universiti, sejak dahulu lagi pengajian seperti jarak jauh telah dijalankan. Namun begitu, mod pembelajaran ini kurang dilaksanakan secara menyeluruh dan pada hari ini pembelajaran secara atas talian amat diperlukan di seluruh Malaysia ekoran penularan pandemik Covid-19. Pembelajaran secara atas talian ini mampu dijalankan dimana sahaja tanpa mengira jarak dan bilangan pelajar pada satu-satu masa.

Namun begitu, mod PdP secara atas talian ini juga mendatangkan kesan buruk kepada pelajar sehingga menyebabkan masalah stres yang teruk kepada para pelajar. Hal ini demikian kerana, pelbagai kekangan dan halangan yang dihadapi oleh pelajar menyebabkan ramai para pelajar menghadapi masalah stres terutamanya kepada pelajar universiti semasa peringkat awal pengumuman pelaksanaan pembelajaran secara atas talian. Akibat daripada mod PdP secara atas talian dalam tempoh yang agak lama menyebabkan tahap stres yang melampau seterusnya menyebabkan ramai pelajar-pelajar universiti mengambil keputusan untuk menangguk dan memberhentikan pengajian mereka (Dr Ehwan Ngadi, 2021). Perkara ini didorong kerana banyak gangguan di rumah, gangguan internet, tugas yang terlalu banyak serta penerangan dalam pembelajaran kurang baik menyebabkan tahap stres seseorang pelajar semakin meningkat. Menurut Arwansyah Kirin et. al (2021), terdapat juga gangguan-gangguan lain yang merupakan cabaran yang terpaksa dihadapi pelajar sehingga proses pengajian, kesihatan mental dan kesihatan fizikal semakin terjejas. Oleh itu, kajian semasa ini adalah bertujuan untuk mengkaji hubungan di antara pembelajaran secara atas talian dan kesannya terhadap tahap stres pelajar Insitusi Pengajian Tinggi (IPT) yang disebabkan oleh faktor kewangan, (PdP), sosial, kesihatan fizikal, serta prasarana dan persekitaran.



Perbincangan di bab ini terbahagi kepada tujuh bahagian dimana bahagian 1.1 ialah Masalah Kajian, 1.2 Objektif Kajian, 1.3 Persoalan Kajian, 1.4 Hipotesis Kajian, 1.5 Batasan Kajian, 1.6 Kerangka Kajian, 1.7 Definisi Operasional dan 1.8 Rumusan.

## 1.1 Masalah Kajian

Prestasi akademik pelajar sebelum tahun 2020 iaitu sebelum berlakunya pandemik Covid-19 adalah jauh lebih baik berbanding prestasi akademik pelajar semasa Covid-19 berlaku. Dimana mod PdP secara atas talian terpaksa dijalankan bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran tetap berjalan walaupun pandemik Covid-19 telah melanda seluruh dunia. Sesi pembelajaran secara atas talian dalam tempoh yang lama tidak hanya menyebabkan prestasi pelajar terjejas, malah komitmen guru dan ibubapa pelajar juga turut semakin berkurangan (Hashim, 2021). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga menyatakan bahawa PdP secara atas talian dan belajar dari rumah adalah kurang berkesan berbanding pembelajaran secara bersemuka. Perkara ini secara tidak langsung akan menyebabkan pelajar menghadapi kesukaran untuk mencapai tahap penguasaan yang baik dalam setiap subjek yang diambil pada semester tersebut (Nawawi, 2021). Justeru, kajian ini ingin mengenalpasti prestasi akademik pelajar sebelum dan semasa Covid-19 kerana didapati setiap kajian tersebut menyatakan prestasi akademik sebelum pandemik adalah lebih baik.

Pengajaran dan pembelajaran secara atas talian memberi kesan secara langsung kepada para pelajar terutamanya kepada pelajar-pelajar di peringkat yang lebih tinggi. Pelbagai perkara yang perlu diambil berat dalam menjalankan kelas secara atas talian antaranya isu capaian internet di kalangan pelajar. Perkara ini menyebabkan ramai pelajar stres dalam mengikuti pembelajaran secara atas talian. Gangguan-gangguan lain semasa di rumah juga mempengaruhi tahap stres para pelajar dalam mengikuti kelas secara atas talian. Menurut Muhammad Adib Farhan Abdullah (2020) sejak berlakunya pandemik ini, ia memberi kesan kepada para pelajar terutamanya dalam kalangan pelajar universiti seperti kerisauan yang berlebihan, kekeliruan, panik, dan kemurungan yang menyebabkan mereka hilang semangat untuk meneruskan pengajian. Di samping itu, Halimatus Sadih (2019) dan Lee (2016), menyatakan bahawa kesihatan mental para pelajar di IPT sebelum Covid-19 melanda adalah lebih tinggi dimana sebanyak 23% pelajar mengalami kebimbangan yang melampau, 8-11% pelajar akan mengalami masalah depresi, 5-6% mengalami stress melampau. Walaubagaimanapun, ada juga



kajian lain yang menyatakan bahawa tahap kesejahteraan pelajar adalah lebih banyak terganggu sepanjang tempoh PKP. Oleh itu, melalui kajian ini juga, dapat mengenalpasti tahap stres para pelajar sebelum dan semasa pandemik Covid-19.

*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) memberi penegasan bahawa disebabkan Covid-19 telah mengganggu proses pembelajaran lebih daripada satu billion pelajar di 129 negara di seluruh dunia (UNESCO, 2020). Hal ini kerana ramai pelajar terkesan dengan cara dan proses pembelajaran norma baharu yang sememangnya memerlukan masa untuk menyesuaikan diri. Sekaligus memberi kesan langsung kepada penurunan prestasi akademik pelajar semasa pandemik Covid-19. Golongan pelajar yang mempunyai status kesihatan mental yang baik mempunyai motivasi pembelajaran yang lebih tinggi (Yasuhiro & Su-Hie, 2021). Berdasarkan pernyataan di atas, menunjukkan bahawa hubungan diantara faktor-faktor stres dengan prestasi akademik pelajar adalah saling berkait antara satu sama lain sepanjang pandemik Covid-19.

Berdasarkan perbincangan di atas, didapati isu dan permasalahan kajian yang dibincangkan ini adalah kritikal. Hal ini demikian kerana, pengajaran dan pembelajaran atas talian secara mendadak akan memberi kesan terhadap prestasi dan pencapaian akademik para pelajar universiti. Justeru itu, penulisan ini akan memfokuskan kepada pembelajaran atas talian dan kesannya terhadap prestasi akademik.

## 1.2 Objektif Kajian

Objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini ialah:

1. Mengenalpasti prestasi akademik pelajar sebelum dan semasa Covid-19.
2. Analisis stres dan tahap-tahap stres pelajar sebelum dan semasa Covid-19
3. Pengaruh dan hubungan diantara faktor kewangan, faktor pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan faktor-faktor lain dengan prestasi akademik pelajar sebelum dan semasa Covid-19.

### 1.3 Persoalan Kajian

Berpandukan kepada objektif kajian ini, persoalan yang ingin dijawab melalui kajian ini adalah:

1. Apakah tahap pencapaian prestasi akademik pelajar sebelum dan semasa pandemik Covid-19.
2. Apakah analisis stres serta tahap-tahap stres yang dihadapi oleh para pelajar sebelum dan semasa Covid-19?
4. Adakah wujud pengaruh dan hubungan diantara faktor kewangan, faktor pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan faktor-faktor lain dengan prestasi akademik pelajar sebelum dan semasa Covid-19?

### 1.4 Hipotesis Kajian

Kajian ini bertujuan menguji hipotesis seperti berikut:

$H_a$  = Terdapat hubungan yang signifikan diantara faktor kewangan, faktor pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan faktor-faktor lain dengan prestasi akademik pelajar sebelum Covid-19.

$H_b$  = Terdapat hubungan yang signifikan diantara faktor kewangan, faktor pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan faktor-faktor lain dengan prestasi akademik pelajar semasa Covid-19.

### 1.5 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan atau limitasi dalam kajian ini iaitu;

#### 1.5.1 Bilangan Responden

Bilangan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 177 orang daripada 21 IPT di Malaysia untuk menjalankan kajian ini.



### 1.5.2 Kumpulan Sasaran

Limitasi kedua adalah dari segi kumpulan sasaran. Hal ini kerana, kajian ini berfokuskan kepada pelajar-pelajar universiti sahaja. Dimana mereka lebih komited untuk mengikuti pembelajaran secara atas talian berbanding pelajar-pelajar tingkatan 6 atau pelajar sekolah menengah. Selain itu, pelajar universiti juga diambil sebagai responden kerana bilangan pelajarnya yang lebih ramai.

### 1.5.3 Lokasi Kajian

Lokasi kajian yang digunakan dalam penulisan ini adalah merangkumi 21 buah universiti awam yang ada di Malaysia. Antaranya Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Teknikal Melaka (UTEM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

### 1.5.4 Semester dan Lingkungan Umur

Limitasi keempat, kajian ini tidak digeneralisasikan kepada semua peringkat umur pelajar IPT, hanya pelajar yang berada dalam lingkungan umur 22-25 tahun ke atas sahaja. Hal ini kerana, pelajar yang berumur 22-25 tahun ke atas merupakan pelajar semester 5 dan ke atas dimana mereka merupakan pelajar tahun akhir universiti. Di samping itu, mereka sempat menjalani pembelajaran secara fizikal di universiti masing-masing sebelum pandemik Covid-19. Selain itu, mereka juga lebih sesuai untuk melihat keberkesanan pembelajaran secara atas talian dan kesannya terhadap tahap-tahap stres pelajar IPT.



### 1.5.5 Kajian Bersifat Tinjauan

Selain itu, kajian ini adalah bersifat tinjauan yang menggunakan analisis deskriptif frekuensi, deskriptif statistik dan inferensi bagi melihat keputusan yang diperoleh daripada responden. Data-data tersebut diproses menggunakan *Statistical Package For Social Science* (SPSS). Kesamaan keputusan yang diperoleh tidak dapat dijamin sekiranya menggunakan perisian yang lain.

### 1.5.6 Kaedah

Penggunaan kaedah soal selidik hanya dijalankan secara atas talian sahaja. Hal ini kerana, berikutan dengan pandemik Covid-19 pada ketika ini, kaedah soal selidik adalah lebih sesuai digunakan berbanding kaedah pemerhatian, temubual dan sebagainya. Penggunaan kaedah soal selidik melalui *Google Form* adalah untuk mengelakkan penularan penyakit berjangkit Covid-19. Selain itu, kaedah ini lebih mudah diakses dan dijawab oleh responden tidak kira dimana dan bila-bila masa sahaja.

### 1.5.7 Masa

Kemudian, keterbatasan masa bagi proses pengumpulan data iaitu selama sebulan sahaja (Disember 2021) tempoh untuk mengumpul data yang diperlukan dalam kajian ini. Perkara ini disebabkan oleh kekangan masa yang dihadapi dan isu pandemik Covid-19 sedikit sebanyak menjejaskan proses pengumpulan data ketika ini.

### 1.5.8 Kefahaman dan Sikap Responden

Batasan terakhir adalah dari aspek kefahaman dan sikap responden yang berkeungkinan ada responden yang kurang faham mengenai pernyataan soalan di dalam borang soal selidik. Secara tidak langsung, responden akan memberikan jawapan yang kurang tepat semasa menjawab soalan. Oleh itu, maklum balas yang diperoleh daripada responden mungkin akan mempengaruhi kajian ini kerana terdapat ketidakfahaman dan ketidaktepatan jawapan yang diberikan oleh responden.

## 1.6 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, beberapa istilah dan justifikasi penggunaannya dalam kajian ini telah dikenalpasti iaitu;

### 1.6.1 Pembelajaran secara atas talian

Menurut Wan Aziaris Aziz (2015), pembelajaran dalam talian (e-learning) merujuk kepada sebarang bentuk pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan melalui teknologi digital. Medium ini digunakan untuk menyampaikan sumber pengajaran dan pembelajaran seperti grafik visual, teks, animasi, video, dan audio. Ia juga melibatkan kemudahan-kemudahan sumber seperti pembelajaran berkumpulan dan bantuan dalam talian daripada guru dalam subjek tertentu.

Pembelajaran dalam talian ini juga boleh dilaksanakan di mana-mana, tanpa mengira jarak atau jumlah pelajar yang mengikutinya. Selain itu, dengan adanya alat bantu pembelajaran, latihan dan bahan yang lebih tersusun dan bersepadu, pelajar boleh meneruskan proses pembelajaran mereka dengan lebih berkesan. Dalam kajian ini, istilah pembelajaran secara atas talian yang digunakan mempunyai maksud yang sama namun begitu, penyelidik lebih memfokuskan pembelajaran secara atas talian ini dilakukan semasa pandemik Covid-19.

### 1.6.2 Tahap Stres

Menurut Cox dan Brockley (1984), stres adalah fenomena persepsi yang timbul daripada perbandingan antara arahan yang diberikan oleh seseorang dan keupayaan untuk melaksanakan arahan dengan jayanya. Ketidakseimbangan dalam proses ini mengakibatkan wujudnya pengalaman ketegangan, yang diikuti dengan tindak balas ketegangan.

Selain itu, daripada kajian 'Tahap & Punca Tekanan dalam kalangan Pelajar Tahun Akhir Fakulti Pendidikan UTM' (Afidah, 2010), stres berpunca daripada aspek tugas dan bebanan yang berlebihan serta penyelidikan tesis yang perlu disiapkan. Ia meliputi kekangan masa menyiapkan kerja, jangkaan akademik secara berlebihan dan pengambilan banyak subjek yang sukar. Daripada kajian lepas, terdapat banyak faktor-faktor yang menyebabkan tahap stres seseorang individu berbeza-beza dan ianya mempengaruhi prestasi akademik khususnya pelajar-pelajar universiti. Sesetengah individu akan mengalami stress pada tahap yang tinggi

dan ada juga pada rendah. Terma tahap stres yang dimaksudkan adalah peringkat-peringkat stres yang dihadapi oleh pelajar universiti yang disebabkan oleh faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah stres. Terma yang digunakan dalam kajian ini juga merujuk kepada maksud yang sama iaitu tahap stres yang dihadapi oleh pelajar semasa menjalani pembelajaran secara atas talian disebabkan oleh pandemik covid-19.

### 1.6.3 Kewangan

Kewangan ditakrifkan sebagai pengurusan wang dan merangkumi aktiviti seperti pelaburan, pinjaman, pinjaman, penganggaran, simpanan, dan ramalan. Pengurusan kewangan yang baik amat penting agar wang yang dibelanjakan tidak berlebihan dan hanya untuk keperluan penting sahaja bagi memastikan masalah kewangan tidak dihadapi oleh pelajar universiti (Alecia Puyu dan Anuar Ahmad, 2017).

Istilah kewangan yang digunakan dalam kajian ini adalah bermaksud jumlah atau nilai kewangan yang responden miliki sepanjang menjalani PdP sebelum dan semasa Covid-19.

### 1.6.4 Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Pengajaran ialah sesuatu tugas dan aktiviti yang diusahakan bersama oleh guru dan muridnya. Pengajaran adalah dirancang oleh guru secara sistematik dan teliti dan melaksanakannya dengan kaedah dan teknik mengajar yang sesuai, membimbing, menggalak dan memotivasikan murid supaya mengambil inisiatif untuk belajar, demi memperolehi ilmu pengetahuan dan menguasai kemahiran yang diperlukan.

Umumnya “Pembelajaran merupakan proses memperolehi ilmu pengetahuan atau kemahiran”. Mengikut Robert M. Gagne (1970) dalam *The Condition of Learning*, pembelajaran merupakan “perubahan tingkah laku atau kebolehan seseorang yang dapat dikekalkan, tidak termasuk perubahan yang disebabkan proses pertumbuhan”. Mengikut Woolfolk (1980) dalam *Educational Psychology for Teachers*, pembelajaran dilihat sebagai perubahan dalaman yang berlaku kepada seseorang dengan membentuk perkaitan yang baru, atau sebagai potensi yang sanggup menghasilkan tindak balas yang baru. Terma yang digunakan dalam kajian ini pula adalah selari seperti yang dijelaskan oleh Robert dan Woolfolk dalam kajian ini.

### 1.6.5 Sosial

Elemen persekitaran sosial seperti model, maklum balas, galakan dan halangan boleh memberi impak atau sumber pembelajaran dalam proses membentuk tingkah laku seseorang (Azhar, 2006). Komponen humanistik seperti pengaruh ibu bapa, pengaruh guru, pengaruh rakan sebaya, dan impak komuniti, serta elemen bukan manusia seperti pengaruh pelbagai bentuk media yang diterima oleh seseorang semasa proses kehidupan. Perkara-perkara tersebut adalah antara pembolehubah persekitaran sosial yang dimaksudkan. Oleh itu, elemen-elemen humanistik atau kemanusiaan seperti yang dinyatakan mempunyai istilah yang selari dengan istilah yang digunakan dalam kajian ini.

### 1.6.6 Kesihatan fizikal


Kesihatan fizikal merujuk kepada keadaan individu yang bebas daripada kesakitan, ketidakupayaan fizikal, penyakit kronik dan penyakit berjangkit serta ketidakselesaan tubuh badan yang memerlukan perhatian daripada pakar perubatan (Norliah, 2017). Dalam kajian ini, istilah kesihatan fizikal yang digunakan mempunyai maksud yang sama di dalam kajian ini.

### 1.6.7 Prasarana dan persekitaran

Prasarana merupakan kemudahan-kemudahan asas yang digunakan oleh pelajar semasa mengikuti proses pembelajaran manakala persekitaran ialah keadaan yang meliputi keceriaan suasana tempat pembelajaran. Prasarana ialah kemudahan peralatan elektronik seperti komputer atau telefon bimbit yang digunakan semasa menjalankan pembelajaran secara atas talian manakala persekitaran pula merujuk kepada persekitaran kelas dan persekitaran di rumah semasa mengikuti PdP (Mahathir Yahaya & Wardatul Hayat Adnan, 2021). Nurazuan Razali (2013) mentakrifkan prasarana ialah kelengkapan infrastuktur yang disediakan dalam institusi pendidikan untuk keselesaan pelajar manakala persekitaran merujuk kepada ruang yang diperuntukkan untuk pembelajaran seperti bilik darjah, makmal sains, kawasan lapang dan pejabat. Istilah prasarana dan persekitaran yang digunakan merujuk kepada perkara yang sama seperti Mahathir Yahaya dan Wardatul Hayat Adnan serta Nurazuan Razali.

## 1.7 Kerangka Konseptual

Kajian ini direkabentuk berdasarkan kerangka kajian seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 di bawah;



Rajah 1: Kerangka Konseptual



## 1.8 Rumusan

Bab 1 membincangkan berkaitan dengan pendahuluan dan hala tuju kajian yang hendak dijalankan dimana kajian ini menfokuskan kepada pembelajaran secara atas talian dan kesannya terhadap tahap stres pelajar universiti di Malaysia dan telah diterjemahkan perkara-perkara yang menjadi asas dan hala tuju kajian ini. Bab ini telah membincangkan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, batasan kajian, definisi operasional, kerangka konseptual dan rumusan.

